

**Isu Latheefa Letak Jawatan Dengan MBPJ Dirujuk Kepada PKR - Abdul Khalid Bernama**  
**18 Julai, 2012**

SHAH ALAM, 18 Julai (Bernama) -- Keputusan Ketua Biro Hal Ehwal Guaman Parti Keadilan Rakyat (PKR) Latheefa Koya meletak jawatan sebagai anggota Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan dirujuk di peringkat pengurusan parti itu, kata Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Perkara ini adalah hal parti kerana pemilihan beliau (Latheefa) sebagai ahli majlis berdasarkan penglibatan parti dalam pakatan rakyat (PKR, DAP dan PAS)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini pada Rabu.

Abdul Khalid berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai peletakan jawatan Latheefa sebagai ahli Majlis MBPJ berkuatkuasa serta merta Isnin lepas.

Sementara itu, Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas pihak berkuasa tempatan, Ronnie Liu Thian Kiew berkata pihaknya masih belum menerima surat rasmi daripada Latheefa berhubung peletakan jawatannya itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681677>

